

Ac26402

(R)

**AGAMA DAN PERANANNYA  
DALAM PEMBANGUNAN PERADABAN:  
SATU KAJIAN TENTANG PEMIKIRAN  
MALIK BENNABI (1905 – 1973)**

**USMAN SYIHAB**

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI  
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH USULUDDIN**

**JABATAN AKIDAH DAN PEMIKIRAN ISLAM  
BAHAGIAN PENGAJIAN USULUDDIN  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2003**

Perpustakaan Universiti Malaya



A511141301

## THESIS ABSTRACT

### RELIGION AND ITS ROLE IN THE DEVELOPMENT OF CIVILIZATION: A STUDY ON THE THOUGHT OF MALIK BENNABI (1905-1973)

Religion is a significant theme in Malik Bennabi's thought (1905-73). Nevertheless, his efforts about religion was not only on aspects of Theology and Revealed Knowledge, but more so on social analytical aspects in giving broad meaning to Social Science; History, Social Psychology, and Social Phenomenology. The research from this thesis focuses on his thought about religion as a substantial part of human nature and its role in building civilization and its cycle, and in the evolving process of man's dynamic culture.

According to Malik Bennabi, religion is a substantial part of everyman and that religious belief is a universal phenomenon. This phenomenon has made it possible for sociological science to define man as "*homo religiosus*" (religious animal). He gives the opinion, too, that in the future religion would not only be without limits, but that it will go on forever as it is because knowledge will never be able to play its role on the levels of perfection.

In Malik Bennabi's theory, religion is a catalyst for all kinds of civilizations. In order to prove his theory, he gives an example of the history of the rise of great civilizations in the world, especially on Islamic civilization and

European civilization. Indeed, he also laid great interest and later made conclusions that “Communist civilization” which is anti-religion was also born from religious thought. Malik Bennabi also opines that the dynamic course of civilizational history is the biological process of relatedness between individuals in a community and religious thought within certain time frames. Based on the mode of the said biological relationships, he proposes that every civilization evolves within an environment that goes through three phases, namely; (i) pre-civilization phase; (ii) civilization phase which covers three phases as follows: spiritual phase; rational phase; and instinctual phase; and lastly, (iii) post- civilization. Based on these concepts about the civilizational cycle such as above-mentioned, he also opines that under whatever chaos of the Muslim world in the post-civilization phase and the weakness of reformation movements and modernism, the phenomenon of the shift of the centre of Islamic gravity from the Mediterranean basin to Asia had certainly transpired. Meanwhile, within the same time frame, Western civilization also had shifted to the instinctual phase or the point of destruction.

Under his theory about culture, Malik Bennabi declares that culture, as the core and sole of civilization, is a product of interaction between individuals with the “realm of things” and the “realm of ideas” within a certain specific time and space. Because of this, a certain culture possesses a place and characteristics, particularly innately appropriate to itself that bears certain personal norms and standards that are applied in certain communities in their attempts to evaluate or validate their realm of things and ideas. On the bases of the said concepts, he proposes that in order that a certain civilization could develop, a community

should not gather or imbibe unto itself whatever is extraneous of foreign cultures, because they carry values which are different from the local values. According to Malik Bennabi, within the capacities of developing dynamic cultures, two kinds of methodological reformation are needed: the negative reformation, which is the effort to cleanse a culture from whatever traditions and cultures that are weak and not dynamic and the positive reformation, which provides direction to evolving of dynamic cultures. According to him, the post-civilization phase of the Islamic community until now is still warped in negative cultural heritage and that colonisations by Western nations over the Islamic world is a phenomenon of "colonised capability"; having all the cultural conditions that gives rise for them to be eventually colonised. Under the cultural concept of Malik Bennabi, religion plays a significant role in developing cultural dynamism. According to him, religion also plays a role as a catalyst for important cultural features, aside from playing a role of providing moral principles; also aesthetic, logical endeavour and finally, technological.

## ملخص البحث

### الدين و دوره في بناء الحضارة

دراسة في أفكار مالك بن نبي (1905-1973)

يحتل الدين مكانة مهمة في كتابات مالك بن نبي، حيث يتناول في دراساته من وجهة اجتماعية أكثر من وجهة علم الكلام أو من وجهة معارف الوحي. وهذا البحث يتناول بالدراسة أفكار مالك بن نبي وأراءه حول الدين كفطرة ثابتة في الإنسان ودوره في ترکيب الحضارة ودورتها وفي تكوين فعالية الثقافة.

يرى الأستاذ مالك بن نبي بأن الدين ثابت من ثوابت الشخصية الإنسانية وأن الدين ظاهرة عامة في الحياة البشرية مما يجعل علم الاجتماع في تعريفه للإنسان بأنه "حيوان ديني". ويدعُب الأستاذ مالك بن نبي كذلك بأن للدين دوراً مسِّيَّلاً غير محدود، ذلك لأنَّه سباقٌ في الكون دائمًا أسرار ومجاهيل لا يجِّيب عنها ولا يكتشفها إلا الدين، لأنَّ العلم لن يكون بديلاً للدين مهما حاول.

ويرى الأستاذ مالك بن نبي بأن الدين "مركب للحضارة"، ويبرهن نظريته هذه بتاريخ ولادات الحضارات المشهورة في العالم خاصة الحضارة الإسلامية والحضارة الغربية، كما أنه يعتقد بأن "الحضارة الماركسية" الملحدة هي كذلك

ولدت على أساس الفكره الدينية. ويدرك ذلك إلى القول بأن الدورة الحضارية هي الترجمة التاريخية للعلاقة العضوية بين أفراد المجتمع وال فكرة الدينية. وعلى أساس طبيعة هذه العلاقة العضوية يقسم الأستاذ مالك بن نبي الدورة الحضارية لجميع الحضارات إلى ثلاثة أطوار وهي طور ما قبل الحضارة، وطور الحضارة، وطور ما بعد الحضارة، كما قسم طور الحضارة إلى ثلاثة مراحل وهي مرحلة الروح، ومرحلة العقل، ومرحلة الغريرة. وبناء على نظريته عن الدورة الحضارية يذهب الأستاذ مالك بن نبي، إلى أنه مهما يكن أمر الفوضى الراهنة و إخفاق حركة الإصلاح والحركة الحديثة في العالم الإسلامي، فإنه ينتهي القول بوجود ظاهرة جديدة في المستوى العالمي في صورة انتقال مركز الجاذبية الحضارية للعالم الإسلامي من حوض البحر الأبيض المتوسط إلى آسيا، وانتقال الحضارة الغربية من مرحلة العقل إلى مرحلة الغريرة.

وفي نظريته عن الثقافة، يرى الأستاذ مالك بن نبي بأن الثقافة هي لب الحضارة وكل ما يعطي الحضارة سماتها الخاصة، وهي الوسط الذي تتشكل فيه جميع خصائص المجتمع المتحضر، كما أنها كذلك نتيجة علاقة أفراد المجتمع "بعالم أشيائهم" و "بعالم أفكارهم" وهي بذلك لها لغة خاصة كما أن لها مزاياها الخاصة بها. وإنطلاقاً من هذه النظرية يذهب الأستاذ مالك بن نبي إلى القول بأن بناء أية حضارة لا يكون بجمع منتجات الحضارة الأخرى ولا بتكتيقيتها وذلك لأن هذه المنتجات ترعرعت وتطورت في البيئة الأخرى الغربية، ولأن شيئاً ما قد يموت

بصورة ما إذا قطع عن وسطه الثقافي المعتمد إذ أن لغته خارج هذا الإطار تفقد معناها.

ويرى الأستاذ مالك بن نبي بعد ذلك ضرورة إعادة بناء الثقافة بطريقتين؛ سلبية تصل العالم الإسلامي عن رواسب الماضي، و إيجابية توصله بمقتضيات المستقبل، كما يرى بأن العالم الإسلامي قد ورث الثقافة البالية غير الفعالة من مرحلة ما بعد الحضارة حتى المرحلة الراهنة، وهي تلك الثقافة التي انتجت "القابلية للاستعمار" في تاريخ العالم الإسلامي.

ويذهب الأستاذ مالك بن نبي بعد ذلك إلى القول بأن للدين دوراً فعالاً في بناء وتكوين فعالية الثقافة. وهو بجانب دوره كـ الدستور الخلقي والعنصر الأهم للثقافة وهو أيضاً مركب لعناصر الثقافة الأخرى كـ الذوق الجمالي، والمنطق العملي، والصناعة.

## PENGHARGAAN

*Al-Hamd li Allāh*, segala puji dan syukur saya panjatkan ke hadrat Allah S.W.T., kerana dengan taufik dan hidayah-Nya saya dapat menyempurnakan kajian ilmiah ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih saya tujukan khas kepada Prof. Madya Dr. Johari Mat selaku penyelia, yang telah memberi bimbingan, sokongan dan tunjuk ajar kepada saya sehingga berjaya menghasilkan tesis ini.

Setinggi-tinggi terima kasih saya ucapkan kepada Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Bahagian Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam, Institut Pengajian Siswazah dan Penyelidikan Universiti Malaya dan juga kepada Pusat Matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa, yang telah memberi pelbagai kemudahan sepanjang pengajian saya.

Sekalung penghargaan juga saya berikan kepada sahabat-sahabat saya; Hasanul Basri, Wan Radziah, Che Abdul Majid, Wan Suaimi, Hasnizam dan Abdul Rashid Abdullah yang telah membantu saya dalam pembacaan pruf terhadap tesis ini. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada semua teman-teman yang telah memberi sokongan moral sepanjang saya menjalankan penyelidikan.

Setulus budi dan penghargaan yang teristimewa saya tujukan kepada ibu yang jauh di seberang yang sentiasa mendoakan kejayaan saya, kepada isteri tercinta yang sentiasa bersabar, berkorban dan menyokong semua langkah saya, dan kepada anak-anak saya; Jehan, Naufal dan Dayyan, yang kerana kesibukan saya, mereka tidak dapat banyak bermain bersama saya.

## KANDUNGAN

ABSTRAK	ii
PENGHARGAAN	viii
KANDUNGAN	ix
JADUAL KEPENDEKAN	xiii
PANDUAN TRANSLITERASI	xiv
PENDAHULUAN	1
A. Latar Belakang Masalah Kajian	1
B. Masalah Kajian	7
C. Objektif Kajian	9
D. Kepentingan Kajian	10
E. Skop Kajian	11
F. Ulasan Penulisan	11
G. Metodologi Kajian	26
BAB I: MALIK BENNABI: RIWAYAT HIDUP DAN LATAR BELAKANG PEMIKIRAN	29
FASAL I: RIWAYAT HIDUP MALIK BENNABI	30
A. Masa Kanak-Kanak	30
B. Masa Belajar Di Constantine	34
C. Masa Bekerja Sebagai <i>al-'Adl</i>	40
D. Masa Belajar Dan Penglibatannya Dalam Gerakan Perjuangan Di Perancis	41
E. Di Atara Perancis Dan Algeria	53

F. Di Kaherah	56
G. Kembali Ke Algeria	60
<b>FASAL II: LATAR BELAKANG PEMIKIRAN</b>	<b>64</b>
A. Faktor Keluarga Dan Sosial	64
B. Faktor Masyarakat Perancis Dan Peradaban Barat	67
C. Fenomena Penjajahan	69
D. Sumber-sumber Ilmu Pengetahuan Lain	72
<b>BAB II: AGAMA DAN PERADABAN: PENGERTIAN DAN KONSEP-KONSEP ASAS</b>	<b>77</b>
<b>FASAL I: AGAMA: PENGERTIAN, ASAL-USUL DAN HUBUNGANNYA DENGAN ILMU PENGETAHUAN</b>	<b>78</b>
A. Pengertian Agama, <i>Religion</i> dan <i>Din</i>	79
B. Pengertian Secara Terminologi	86
C. Pengertian Agama Menurut Malik Bennabi	91
D. Agama Sebagai Fitrah Manusia	93
E. Agama Dan Ilmu Pengetahuan	99
<b>FASAL II: PERADABAN: PENGERTIAN, KEPENTINGAN MEMPELAJARI DAN PANDANGAN MALIK BENNABI TERHADAP BEBERAPA AHLI FALSAFAH PERADABAN</b>	<b>108</b>
A. Pengertian Peradaban Dan Istilah-Istilah Yang Berkaitan: Tamadun, <i>al-tamaddun</i> , <i>al-hadārah</i> , <i>civilization</i>	108
B. Pengertian Secara Terminologi	113
C. Pengertian Peradaban Dan Kepentingan Mempelajarinya Menurut Malik Bennabi	115
D. Pandangan Malik Bennabi Terhadap Ibnu Khaldun, Oswald Spengler, Dan Arnold Toynbee	118

BAB III: AGAMA DALAM TEORI PERADABAN	131
FASAL I: AGAMA SEBAGAI PEMANGKIN PERADABAN 132	
A. Faktor-faktor Peradaban: Manusia, Tanah Dan Masa: 132	
i. Faktor Manusia 133	
ii. Faktor Tanah 138	
iii. Faktor Masa 141	
B. Agama Sebagai Pemangkin Peradaban: 145	
i. Peradaban Islam 146	
ii. Peradaban Barat 149	
iii. Peradaban “Komunisme” 156	
C. Agama Dan Jaringan Perhubungan Kemasyarakatan 162	
D. Agama Dan Perubahan Masyarakat 166	
FASAL II: AGAMA DAN KITARAN SEJARAH PERADABAN 171	
A. Konsep Kitaran 171	
B. Konsep Tiga Alam: Alam Benda, Alam Figur Dan Alam Idea 174	
i. Tiga Alam Dalam Individu 174	
ii. Tiga Alam Dalam Masyarakat Dan Jaringan 179	
Kemasyarakatan	
C. Agama Dalam Kitaran Sejarah Peradaban 184	
i. Fasa Pra-Peradaban 185	
ii. Fasa Peradaban: 186	
1. Fasa Roh 186	
2. Fasa Akal 191	
3. Fasa Instink 197	
iii. Fasa Pasca-Peradaban 199	
D. Antara Peradaban Islam Dan Peradaban Barat: Perspektif 205	
Masa Hadapan	

BAB IV: AGAMA DALAM TEORI KEBUDAYAAN	223
FASAL I: KEBUDAYAAN: DEFINISI DAN PROSES PEMBENTUKAN	224
A. Definisi Kebudayaan	224
B. Kebudayaan Dan Interaksi Individu Dengan Benda Dan Idea	230
C. Agama Dan Norma-norma Peribadi Kebudayaan	235
FASAL II: PERANAN AGAMA DALAM MENCiptakan KEDINAMIKAN KEBUDAYAAN	241
A. Kebudayaan Dan Kedinamikan	241
B. Metode Pembaharuan Negatif Dan Positif	245
C. Fenomena-Fenomena Kebudayaan Yang Tidak Dinamik	246
D. Peranan Agama Dalam Menciptakan Kedinamikan Kebudayaan:	256
i. Agama Sebagai Prinsip Moral Kebudayaan	258
ii. Agama Sebagai Pemungkinan Kebudayaan:	270
1. Estetik	270
2. Logik Kerja	276
3.Teknologi	279
PENUTUP	288
A. Kesimpulan	288
B. Cadangan	296
BIBLIOGRAFI	298

## JADUAL KEPENDEKAN

Bil.	:	Bilangan
c.	:	cetakan
CD	:	Compact Disk
dll.	:	dan lain-lain
Dr.	:	Doktor
dsb.	:	dan sebagainya
ed.	:	editor
et al.	:	et alia
h.	:	halaman
H.	:	Hijrah
Ibid.	:	Ibidem
j.	:	Juzuk
KH.	:	Kiai Haji
M.	:	Masihi
M.A.	:	Master of Arts
no.	:	nombor
op.cit.	:	opere citato
Prof.	:	Profesor
r.a.	:	Radiya Allāh ‘Anh
s.a.w.	:	Şalla Allāh ‘Alayh Wa Sallam
S.W.T.	:	Subḥānahu Wa Ta‘āla
T.P.	:	Tanpa Penerbit
t.t.	:	tanpa tarikh
T.T.P.	:	Tanpa Tempat Penerbitan
terj.	:	terjemahan

## PANDUAN TRANSLITERASI\*

Huruf Arab	Transkripsi	Huruf Arab	Transkripsi
------------	-------------	------------	-------------

ء	:	'		ض	:	d
ا	:	a		ط	:	t
ب	:	b		ظ	:	z
ت	:	t		ع	:	c
ث	:	th		غ	:	gh
ج	:	j		ف	:	f
ح	:	h		ق	:	q
خ	:	kh		ك	:	k
د	:	d		ل	:	l
ذ	:	dh		م	:	m
ر	:	r		ن	:	n
ز	:	z		هـ	:	h
س	:	s		وـ	:	w
شـ	:	sy		يـ	:	y
صـ	:	sh		ةـ	:	h

Vokal Panjang:

أـ : ä

وـ : ū

ىـ : ī

---

\* Akademi Pengajian Islam (2001), *Buku Panduan Penulisan Tesis / Disertasi Ijazah Tinggi*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 34 - 41.

### Vokal Pendek:

—	(fathah)	: a
—'	(dammah)	: u
—_	(kasrah)	: i

### Diftong:

أو	: aw
أى	: ay
يـ	: iy/i
ـوـ	: uww

### Contoh Penggunaan Panduan Tansliterasi:

- Huruf “ أ ” (alif) jika digunakan sebagai vokal panjang ditransliterasikan sebagai ā:  
Contoh: الحضارة : al-haḍārah
- Huruf “ و ” (wāw) yang berfungsi sebagai vokal panjang ditransliterasikan sebagai ū:  
Contoh: سورة : sūrah
- Huruf “ ي ” (yā') yang berfungsi sebagai diftong ditransliterasikan sebagai ī:  
Contoh: الحديثة : al-hadīthah
- “ لـ ” (Alif Lām) ditransliterasikan sebagai al yang dihubungkan dengan kata berikutnya dengan menggunakan tanda sempang:  
Contoh: العالم : al-‘ālam
- “ مـ ” (Alif Māddah) yang terdapat pada awal atau ditengah kata hendaklah ditransliterasikan sebagai ā:  
Contoh: آفاق : āfāq  
القرآن : al-Qur'ān

- “ ‘ ” (syaddah) di atas huruf yā’ ( ي ) yng terletak di belakang konsunan kasrah di akhir kata ditransliterasikan sebagai i:  
Contoh: الإِسْلَامِي : al-Islāmī
- “ ‘ ” (syaddah) di atas huruf yā’ ( ي ) yng terletak di belakang konsunan kasrah di tengah kata yang merupakan gabungan vokal panjang dan konsonan, “ي“ ditransliterasikan sebagai iyy:  
Contoh: الاجْتِمَاعِيَّة : al-ijtīmā‘iyyah
- “ ء ” (hamzah) yang terdapat di awal kata ditransliterasikan mengikut bunyi:  
Contoh: اُنْصَارٌ : anṣār  
إِنْسَانٌ : insān
- “ ئ ” (hamzah) yang mati atau hidup yang terletak di belakang konsunan atau diftong pada sesuatu kata dilambangkan sebagai koma atas ('):   
Contoh: التَّأْمِلَاتُ : al-ta'ammulāt
- “ ئ ” (alif maqsūrah) yang berbunyi sebagai vokal panjang ditransliterasikan sebagai ā:  
Contoh: الْكَبْرِي : al-kubrā

## PENDAHULUAN

Tesis ini mengkaji tentang agama dan peranannya dalam pembangunan peradaban dalam perspektif pemikiran Malik Bennabi (1905-1973) dengan memberikan fokus kajian terhadap peranan agama sebagai pemangkin faktor-faktor penting peradaban; manusia, tanah dan masa, dan peranannya dalam proses pembentukan kedinamikan kebudayaan manusia.

### A. LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN

Malik Bennabi (1905-1973) adalah seorang ahli falsafah dan sarjana sosial yang terkemuka di dunia Islam. "Sebagai seorang ahli falsafah, Malik Bennabi boleh diletakkan sama taraf dengan Allāma Iqbal"<sup>1</sup> dan sebagai seorang sarjana sosial ia adalah "satu-satunya pemikir terkemuka Arab yang muncul setelah Ibn Khaldūn yang mengkaji persoalan fenomena peradaban."<sup>2</sup> Sebagai ahli falsafah dan sarjana sosial Malik Bennabi, dalam karya-karyanya, telah mengkaji secara serius dan kritikal persoalan-persoalan penting dalam sejarah, kermasyarakatan, kebudayaan dan peradaban.

<sup>1</sup> S. M. Zamani (1991), "Pendahuluan", dalam Malik Bennabi, *Islam Dalam Sejarah dan Masyarakat*. Ismail Ahmad (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. xvii.

<sup>2</sup> Fawzia Baruini (1991), "Malik Bennabi and the Intellectual Problem of the Muslim Ummah", kertas kerja disampaikan dalam *International Seminar on Malik Bennabi* (1-4 Sept 1991) di Universiti Malaya, Malaysia.

Agama merupakan tema penting dalam pemikiran-pemikiran Malik Bennabi. Bagaimana pun, tidak seperti kebanyakan sarjana Muslim lainnya, beliau mendekati agama tidak hanya dari aspek teologi dan ilmu-ilmu wahyu sahaja. Malik Bennabi bahkan mendekati agama lebih banyak dari aspek analisis sosial dalam pengertian sains sosial yang luas; sejarah, psikologi sosial dan fenomenologi sosial. Dalam menganalisis agama dari perspektif sosial, Malik Bennabi berusaha merumuskan posisi agama sebagai fitrah setiap manusia dan peranannya dalam penentuan dinamika perjalanan sejarah peradaban dan dalam proses pembentukan kedinamikan kebudayaan manusia.

Menurut Malik Bennabi agama adalah fitrah manusia, baik secara individu maupun masyarakat, “setiap individu di dalam sejarah kemasyarakatan paling tidak memiliki kecenderungan agama, yang merupakan bahagian daripada tabiatnya. Fenomena inilah yang menjadikan ilmu sosiologi mendefinisikan manusia sebagai ‘haiwan beragama’.”<sup>3</sup> Oleh kerana itu, menurut Malik Bennabi setiap kali seseorang menyusup jauh ke dalam sejarah purbakala dan sejarah manusia, baik pada zaman kejayaan kebudayaannya, maupun pada tingkat-tingkat yang masih primitif dari evolusi sosialnya, ia akan mendapati peninggalan di dalamnya yang menunjuk kepada adanya idea mengenai keagamaan. Ilmu arkeologi selalu mengungkapkan bahawa daripada celah-celah runtuhan yang diungkapkannya ditemukan bekas-bekas peninggalan yang khas, yang digunakan oleh manusia purba untuk keperluan upacara-upacara keagamaan meraka. Bagaimana pun bentuk upacara-upacara keagamaan itu, namun ternyata bahawa struktur bangunan, daripada gua-gua tempat peribadatan pada zaman batu hingga pada zaman bangunan tempat-tempat peribadatan yang megah-megah, berjalan berdampingan dengan idea keagamaan.

<sup>3</sup> Malik Bennabi (1987), *al-Zāhirah al-Qur'āniyyah*, 'Abd al-Sabūr Syāhīn (terj.), c. 4. Damsyik, Syria: Dār al-Fikr, h. 69.

Pandangan Malik Bennabi tersebut di atas sesuai juga dengan apa yang telah dikatakan oleh seorang ahli falsafah Yunani Plutarch (46-120 M.) yang mengatakan: "Kita dapat menjumpai kota-kota tanpa dinding, tanpa raja, tanpa peradaban, tanpa literatur, atau tanpa gedung teater, tetapi seseorang tidak pernah menjumpai sebuah kota tanpa tempat-tempat peribadatan atau penganut-penganut agama."<sup>4</sup> Pada zaman moden ahli falsafah berbangsa Perancis Henri Bergson (1859-1941) menulis idea yang sama: "kita jumpai di masa lampau dan sekarang masyarakat tanpa sains, tanpa seni dan tanpa falsafah, tetapi kita tidak pernah menjumpai sebuah masyarakat tanpa agama."<sup>5</sup>

Dalam teorinya tentang pembentukan peradaban, Malik Bennabi merumuskan tiga faktor utama pembentuk peradaban iaitu; manusia (*al-insān*), tanah (*al-furāb*) dan masa (*al-waqt*). Baginya setiap peradaban adalah hasil daripada tiga unsur; manusia, tanah dan masa, atau: (hasil peradaban = manusia+tanah+masa). Sebagai contoh, untuk menghasilkan sebuah lampu, sebagai hasil peradaban, di belakangnya ada manusia yang memikir dan memproses sehingga terciptanya lampu; ada tanah dengan semua bahan yang diperlukan untuk membuat lampu; dan ada masa yang merupakan keperluan untuk segala proses biologi dan teknologi. Berdasarkan rumusan di atas, Malik Bennabi berpendapat bahawa segala permasalahan peradaban terletak pada permasalahan dasar manusia, tanah, dan masa.

Persoalannya, jika setiap peradaban merupakan hasil daripada wujudnya tiga faktor iaitu manusia, tanah dan masa, mengapakah kewujudan ketiga-tiga faktor tersebut tidak pula secara automatik melahirkan peradaban? Malik Bennabi

<sup>4</sup>Alija Ali Izetbegovitch (1989), *Islam Between East and West*. Indiana: Armerican Trust Publications, h. 16.

<sup>5</sup>Henri Bergson (1978), *The Two Sources of Morality and Religion*. Connecticut: Greenwood Press Publishers, h. 92.

menjawab persoalan ini dari pendekatan ilmu kimia. Menurutnya, air pada asasnya adalah hasil daripada hidrogen dan oksigen. Meskipun demikian kewujudan kedua-dua unsur itu tidak menjamin secara langsung terciptanya air. Menurut para ahli kimia, proses pembentukan air turut dipengaruhi faktor lain berupa “pemangkin” (*murakkib* atau *catalyst*) yang dapat mempercepat proses penyusunan dua unsur hidrogen dan oksigen yang seterusnya menyebabkan terciptanya air. Demikian juga dengan proses pembentukan peradaban, walaupun sudah tersedia tiga faktor utama; manusia, tanah, dan masa, masih diperlukan faktor lain sebagai “pemangkin” yang dapat mengolah dan menyusun ketiga-tiga unsur tersebut dan menjadikannya suatu peradaban. Pemangkin yang dimaksud dalam konteks ini menurut Malik Bennabi adalah agama. Dalam pandangan Malik Bennabi agama adalah “pemangkin” setiap peradaban. Oleh kerana itu menurutnya peradaban “tidak pernah muncul dalam suatu masyarakat melainkan dalam bentuk wahyu yang turun dari langit.”<sup>6</sup>

Dalam dinamika perjalanan sejarah peradaban Malik Bennabi mempercayai bahawa peradaban berjalan dalam kitaran iaitu perpindahannya dari suatu tempat ke tempat yang lain. Dari tempat yang sudah kehabisan dan tidak ada lagi syarat-syarat bagi pertumbuhan dan kehidupan suatu peradaban ke tempat lain yang memiliki syarat-syarat tersebut, untuk memulai kitarannya yang baru. Menurut Malik Bennabi, dinamika perjalanan sejarah peradaban merupakan proses hubungan biologi antara individu-individu dalam masyarakat dan pemikiran agama dalam masa tertentu. Berdasarkan kepada tabiat hubungan biologi tersebut, beliau merumuskan bahawa setiap peradaban berjalan dalam kitaran melalui tiga fasa berikut; (i) fasa praperadaban (*marhalah mā qabla al-hadārah*); (ii) fasa peradaban (*marhalah al-hadārah*)

7

<sup>6</sup> Malik Bennabi (1987), *Syurūf al-Nahḍah*. ‘Abd al-Sabūr Syāhīn dan Umar Kāmil Misqāwi (terj.), c. 4. Damasyik, Syria: Dār al-Fikr, h. 50.

yang memiliki tiga fasa iaitu fasa roh (*rūh*), akal (*'aql*) dan instink (*gharīzah*), dan;  
(iii) fasa pasca-peradaban (*marḥalah mā ba'da al-haḍārah*).

Berdasarkan kepada konsepnya tentang kitaran sejarah peradaban, Malik Bennabi berpendapat bahawa peradaban Islam telah memasuki fasa kebangkitan semula sejak sekitar tahun 1858 bersama dengan munculnya gerakan reformasi yang dipimpin oleh Jamaluddin al-Afghani (1849-1897) dan Muhammad Abduh (1849-1905) dan gerakan modenisme yang dibawa oleh para sarjana yang berpendidikan Barat. Hanya sahaja dalam pandangan Malik Bennabi, baik gerakan reformasi maupun gerakan modenisme tidak dapat memberikan jawapan terhadap persoalan-persoalan sebenar dunia Islam. Dalam pengamatan Malik Bennabi, al-Afghani hanya memfokuskan kepada reformasi dalam politik dunia Islam dan bukan reformasi diri manusia. Sementara itu Muhammad Abduh lebih banyak memfokuskan kepada reformasi ilmu kalam (teologi), yang menurut Malik Bennabi bukan sebagai permasalahan sebenar masyarakat Islam. Menurut Malik Bennabi, orang Islam tidak memiliki permasalahan dalam akidah kerana mereka tetap sebagai orang yang beriman dan beragama. Permasalahan mereka adalah bahawa akidah mereka tidak memiliki kekuatan dan tidak memberikan fungsi sosial. Menurut Malik Bennabi, demikian juga gerakan modenisme, ia tidak memiliki tujuan dan metode yang jelas dan yang seterusnya hanya membawa masyarakat Islam kepada sikap suka “mengumpul” karya-karya peradaban Barat, dan menjadikan mereka sebagai pengguna perabadan yang aneh bagi diri mereka sendiri. Apapun kelemahan gerakan reformasi dan modenisme, Malik Bennabi mengaku bahawa yang pasti gerakan-gerakan tersebut telah berjaya memberikan kesadaran umum tentang kelemahan diri masyarakat Islam.

Dalam apa juga kekacauan dunia Islam pasca-peradaban dan kelemahan gerakan reformasi dan modenisme, Malik Bennabi melihat terjadinya kecenderungan yang positif yang berhubung-kait dengan evolusi sejarah, iaitu fenomena peralihan pusat graviti Islam dari Mediterranean ke Asia. Menurutnya, “dunia Islam yang dahulunya berpusat di Mediterranean tidak wujud lagi.”<sup>7</sup> “Dunia Islam beralih dan tunduk pada tarikan graviti Jakarta, sebagaimana ia pernah tunduk pada tarikan graviti Kaherah atau Damsyik.”<sup>8</sup> Sementara itu, dalam masa yang sama, menurut Malik Bennabi peradaban Barat juga beralih kepada fasa instink atau keruntuhan.

Dalam teorinya tentang kebudayaan, Malik Bennabi mengatakan bahawa kebudayaan adalah isi dan intipati peradaban, ia memberi makan kepada janin peradaban dan merupakan tempat semua unsur masyarakat berperadaban terbentuk. Menurutnya kebudayaan lebih bererti teori tentang tingkah laku daripada teori tentang ilmu pengetahuan. Ia merupakan hasil interaksi antara individu dengan alam benda dan alam idea dalam suatu masa dan ruang tertentu. Oleh kerana itu ia memiliki tempat dan ciri-ciri khasnya tersendiri sesuai dengan norma dan standard peribadi yang digunakan suatu masyarakat dalam menilai suatu benda ataupun idea. Atas dasar konsepsi tersebut, Malik Bennabi berpendapat bahawa untuk membangun suatu peradaban tidak dapat dengan mengumpul atau mengimpor semua barang atau karya peradaban luar kerana ia tumbuh dan berkembang dalam budaya yang berlainan.

Dalam pandangan Malik Bennabi, dalam upaya ke arah menciptakan kedinamikan kebudayaan diperlukan dua jenis metode pembaharuan; pembaharuan “negatif”, iaitu usaha membersihkan segala tradisi dan budaya-budaya yang lembab

<sup>7</sup> Malik Bennabi (1986), *Wijayah al-Ālam al-Islāmi*.‘Abd al-Šabūr Syāhīn (terj.), c. 4. Damsyik, Syria: Dār al-Fikr, h. 182.

<sup>8</sup> *Ibid.*

yang tidak dinamik dan; pembaharuan positif, iaitu dengan memberikan arahan dan pembinaan ke arah menciptakan budaya-budaya yang dinamik. Menurutnya, masyarakat Islam pasca-peradaban sehingga masa ini masih mewarisi budaya-budaya negatif, menurutnya juga bahawa fenomena penjajahan negara-negara Barat ke atas dunia Islam adalah fenomena “kelayakan dijajah” (*al-qâbiliyyah li al-isti'mâr*); memiliki semua syarat kebudayaan yang membolehkan mereka untuk dijajah. Dalam konsep kebudayaan Malik Bennabi, agama memiliki peranan penting dalam menciptakan kedinamikan kebudayaan. Menurutnya, agama selain dapat berperanan sebagai prinsip moral (*al-dustâr al-khuluqî*) kebudayaan ia juga berperanan sebagai pemangkin unsur-unsur penting kebudayaan; estetik (*al-dhwq al-jamâli*), logik kerja (*al-mantiq al-'amali*), dan teknologi (*al-śinâ'ah*).

## B. MASALAH KAJIAN

Berasaskan atas pemikiran-pemikiran Malik Bennabi tentang agama dan hubung-kaitnya dengan persoalan-persoalan peradaban dan kebudayaan tersebut di atas, maka kajian tesis ini akan memberikan fokus kepada permasalahan-permasalahan seperti berikut:

1. Bagaimakah Malik Bennabi mendefinisikan agama dan membuktikan bahawa agama adalah fitrah manusia, dan bagaimakah Malik Bennabi melihat masa hadapan agama di tengah-tengah kemajuan ilmu pengetahuan?
2. Malik Bennabi berpendapat bahawa agama adalah ‘pemangkin’ (*murakkib*) setiap peradaban dan asal-usul semua peradaban. Bagaimakah Malik Bennabi mentafsirkan fenomena peradaban barat moden yang sekular dan

bagaimakah beliau membuktikan bahawa peradaban komunis yang ateis juga berasal dari agama?

3. Bagaimakah Malik Bennabi membangun konsepnya tentang kitaran sejarah peradaban dan apakah peranan agama dalam dinamika kitaran peradaban tersebut?
4. Apakah alasan-alasan Malik Bennabi ketika mengatakan bahawa peradaban Islam mula bangkit dan bahawa kebangkitan tersebut akan berpusat di Asia khususnya di Indonesia dan Pakistan? Apakah alasan-alasan yang diberikan oleh Malik Bennabi ketika mengatakan bahawa peradaban Barat telah masuk fasa instink (kemunduran)?
5. Bagaimakah konsep Malik Bennabi tentang kebudayaan? Bagaimakah beliau mempertahankan pendapatnya bahawa untuk membangunkan suatu peradaban tidak dapat dengan membeli atau mengimpor barang-barang atau karya-karya peradaban luar?
6. Dalam pandangan Malik Bennabi fenomena penjajahan negara-negara Barat ke atas dunia Islam adalah fenomena “kelayakan dijajah” (*al-qâbiliyyah li al-isti'mâr*); iaitu kerana memiliki semua ‘syarat-syarat kebudayaan’ yang membolehkannya untuk dijajah. Apakah ‘syarat-syarat kebudayaan’ tersebut menurut Malik Bennabi?
7. Bagaimakah Malik Bennabi menerangkan bahawa, selain dapat berperanan sebagai prinsip moral kebudayaan, agama juga berperanan sebagai pemangkin unsur-unsur penting kebudayaan; estetik, logik kerja, dan teknologi.

## C. OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan atas permasalahan-permasalahan tersebut di atas maka objektif khusus kajian tesis ini adalah sebagai berikut:

1. Untuk menganalisis pemikiran Malik Bennabi sekitar definisi, asal-usul agama dan masa hadapannya dalam kehidupan manusia dan membandingkannya dengan pemikiran sarjana-sarjana agama yang lain.
2. Untuk menganalisis pemikiran Malik Bennabi tentang definisi dan faktor-faktor penting dalam pembentukan peradaban dan membandingkannya dengan pendapat sarjana-sarjana sosial yang lain.
3. Untuk menganalisis konsep Malik Bennabi tentang peranan agama sebagai pemangkin faktor-faktor penting peradaban dan peranannya sebagai asal-usul semua peradaban.
4. Untuk mengkaji pemikiran Malik Bennabi tentang kitaran sejarah peradaban dan membandingkannya dengan pendapat-pendapat sarjana-sarjana sosial yang lain.
5. Untuk menganalisis pemikiran Malik Bennabi tentang peranan agama dalam dinamika kitaran peradaban dan dalam perubahan sosial.
6. Untuk menganalisis pendapat Malik Bennabi yang mengatakan bahawa peradaban Islam akan bangkit di rantau Asia, dan bahawa peradaban Barat telah masuk ke dalam fasa instink (kemunduran).
7. Untuk mengetahui teori Malik Bennabi tentang kebudayaan, dan menganalisis pendapatnya bahawa untuk membangun suatu peradaban tidak dapat dengan membeli atau mengimpor barang-barang atau karya-karya peradaban luar.

8. Untuk mengetahui fenomena-fenomena kebudayaan yang tidak dinamik yang melahirkan fenomena ‘layak dijajah’ dan yang menghalang kemajuan.
9. Untuk mengetahui dan mengkaji pendapat Malik Bennabi tentang peranan agama dalam menciptakan dan membangun kedinamikan kebudayaan.
10. Selain untuk mengemukakan Malik Bennabi sebagai ahli falsafah sosial, kajian ini juga untuk mengemukakan Malik Bennabi sebagai ahli falsafah agama (*a religious philosopher*).

#### D. KEPENTINGAN KAJIAN

Dari kajian ini diharapkan:

- (i) dapat diketahui sebab-sebab utama kejatuhan dan syarat-syarat utama kebangkitan suatu peradaban dalam perspektif agama;
- (ii) dapat diketahui secara pasti peranan agama dalam pembentukan dan pembangunan peradaban manusia;
- (iii) dapat diketahui bahawa agama Islam mampu berperanan lebih baik daripada agama-agama lain ataupun ideologi-ideologi lain sebagai pemungkin peradaban dan faktor pendorong kedinamikan kebudayaan;
- (iv) dapat dikenal pasti usaha-usaha yang perlu dilakukan bagi proses penciptaan kebudayaan yang dinamik dan pembangunan peradaban Islam masa hadapan.

- (v) dapat diketahui usaha-usaha yang perlu dilakukan bagi proses pengembangan idea islamisasi sains sosial.
- (vi) dapat diketahui kedudukan dan peranan Malik Bennabi sebagai ahli falsafah sosial dan falsafah agama dalam dunia pemikiran Islam moden sehingga dapat diberikan kepadanya pengiktirafan yang semestinya terutamanya dalam dunia akademik.

#### E. SKOP KAJIAN

Berasaskan pada permasalahan, objektif dan kepentingan kajian yang telah dinyatakan di atas maka skop kajian tesis ini mencakupi pemikiran Malik Bennabi tentang permasalahan-permasalahan berikut; (i) pengertian dan konsep-konsep asas tentang agama dan peradaban; (ii) agama dalam teori peradaban, dan; (iii) agama dalam teori kebudayaan.

#### F. ULASAN PENULISAN

Pemikiran Malik Bennabi lama tidak mendapat sambutan di kalangan para sarjana mahupun pelajar baik di dunia Arab mahupun di dunia Islam lainnya. Hal itu kerana karya-karya Malik Bennabi banyak tertulis dalam bahasa Perancis. Faktor inilah yang juga menyebabkan kurangnya pengiktirafan sepenuhnya terhadap Bennabi di kalangan pemikir Islam pada zamannya. Setelah karya-karya Malik tersedia dalam bahasa Arab dan sebahagian dalam bahasa Inggeris, beberapa kajian telah dibuat oleh beberapa sarjana. Walaupun begitu, kajian-kajian yang ada tentang pemikiran

Malik Bennabi banyak tertumpu pada pemikiran-pemikiran Malik Bennabi tentang kermasyarakatan dan peradaban secara umum, dan tidak satupun kajian memberikan tumpuan pada aspek agama dalam hubungannya dengan persoalan-persoalan dalam peradaban dan kebudayaan.

Berikut ini adalah ulasan secara ringkas terhadap beberapa buku yang telah terbit dan kajian terpenting tentang Malik Bennabi:

Tajuk: *al-Zāhirah al-Gharbiyyah fī al-Wa'yī al-Hadārī Anmūdhaj Malik Bennabi (Fenomena Barat Dalam Perspektif Peradaban Menurut Malik Bennabi).*

Penulis: Badran bin Masud bin Husain.

Penerbit: Doha: Kitāb Al-Ummah, 1999.

Buku ini mengkaji tentang fenomena-fenomena dalam peradaban Barat dalam pandangan Malik Bennabi. Kajian dibahagikan kepada lima bab. Bab pertama memberikan penekanan terhadap perlunya kajian terhadap peradaban Barat secara objektif sehingga dengan demikian dapat diketahui aspek-aspek positif dan aspek-aspek negatif atau aspek-aspek yang dapat diterima dan aspek-aspek yang perlu ditolak. Bab kedua membincangkan pemikiran Bennabi tentang peradaban secara umum, dengan memberikan penekanan terhadap pemikiran Bennabi tentang hukum kitaran sejarah peradaban. Bab ketiga dengan panjang lebar membincangkan pemikiran Malik Bennabi tentang ciri-ciri terpenting peradaban Barat yang merupakan inti daripada kajian dalam buku ini. Di antara ciri-ciri terpenting peradaban Barat menurut Bennabi dalam buku ini adalah; pertama, global atau

sejagat; kedua, materialistik iaitu menjadikan benda sebagai pandangan hidup; ketiga dinamik, yang merupakan sifat yang positif dalam peradaban Barat.; dan yang keempat, artistik, ertinya peradaban Barat menjunjung tinggi nilai-nilai seni dan keindahan. Dalam bab keempat penulis menganalisis metode yang digunakan Malik Bennabi dalam mempelajari fenomena-fenomena peradaban yang menurutnya metode yang digunakan Malik Bennabi adalah *sunaniyyah* (mengikut hukum alam) dan objektif.

Tajuk: *al-Sirā‘ al-Hadāri fī al- fī al-‘Ālam al-Islāmī: Dirāsah thaliliyah fi falsafa al-Hadārah ‘inda Malik Bennabi (Perang Peradaban Dalam Dunia Islam: Satu Kajian Tentang Falsafah Peradaban).*

Penulis: Syāyif ‘Ukāsyah.

Penerbit: Damsyk: Dār al-Fikr, 1986.

Buku ini mengkaji perang peradaban dalam dunia Islam dari pandangan Malik Bennabi. Bab pertama membincangkan tentang Islam antara orang Islam dan orang bukan Islam. Dalam bab ini penulis membicarakan tentang penjajahan dan Islam, yang menurutnya bahawa penjajahan telah menghancurkan Islam di semua negara yang didudukinya. Dalam bab ini juga penulis mengungkapkan adanya tiga macam golongan dari orang Islam dalam menghadapi fenomena peradaban Barat; pertama, golongan yang menghadapinya dengan hati-hati iaitu dengan menerima yang positif dan menolak yang negatif; kedua, golongan mengambil segala yang datang dari Barat tanpa dengan kritik dan perbaikan, dan; ketiga golongan yang mlarikan diri daripada realiti kemunduran peradaban Islam dan kemajuan peradaban Barat. Bab kedua membincangkan tentang sikap Malik Bennabi terhadap serangan-serangan dari luar yang bersifat agama, pemikiran dan politik. Dalam menghadapi

serangan yang bersifat agama penulis berusaha membuktikan bahawa Islam tidak berlawanan dengan ilmu pengetahuan. Dalam menghadapi serangan pemikiran dan politik, penulis berusaha membuktikan bahawa Islam memberikan kemerdekaan berfikir, memberikan kemerdekaan individu dan menghormati hak-hak asasi manusia. Dalam bab ketiga penulis buku ini membincangkan tentang teori kebudayaan menurut Malik Bennabi. Dalam bab ini penulis mengkaji tentang definisi kebudayaan dan pengajaran, kerjasama kebudayaan dan projek-projek ke arah mewujudkan kerjasama kebudayaan di antara negar-negara Islam. Menurut penulis dalam rangka mewujudkan kerjasama kebudayaan di antara negara-negara Islam Malik Bennabi mengusulkan perlunya mewujudkan Komanwel Islam dengan kesatuan-kesatuan sebagai berikut; dunia Islam Afrika, dunia Islam Arab, dunia Islam Iran (Parsi, Pakistan dan Afghanistan), dunia Islam Melayu (Indonesia dan Malaysia), dunia Islam Cina, dan dunia Islam Eropah-Amerika. Bab keempat buku ini membicarakan tentang dua sebab penting kemunduran peradaban dunia Islam iaitu kelemahan metode dan penjajahan. Dalam aspek metode, sesuai dengan pendapat Malik Bennabi, bahawa dunia Islam terjebak ke dalam dua perkara; pertama bahawa dunia Islam mengambil segala sesuatunya dari dunia yang telah maju (Barat), dengan anggapan ianya dapat membantu ke arah pembangunan peradabannya; kedua, ia telah kehilangan penguasaannya terhadap bangunan kebudayaannya sendiri, sehingga tidak dapat membezakan antara yang positif dan yang negatif dan antara yang ia ciptakan dan yang ia ambil dari Barat. Bab keenam menganalisis secara ringkas tentang ciri-ciri peradaban menurut Malik Bennabi. Dalam bab ini penulis secara ringkas dan sedikit tentang konsep-konsep peradaban yang dibangunkan oleh Malik Bennabi, yang di antaranya adalah; konsep tentang usia manusia secara individu dan sebagai masyarakat, konsep tentang faktor-faktor

pembentuk peradaban dan konsep tentang pembinaan unsur-unsur penting kebudayaan.

Tajuk: *al-Taghyīr al- Ijtīmā'i 'inda Malik Bennabi (Perubahan Sosial Menurut Malik Bennabi).*

Penulis: Ali al-Kuraisy.

Penerbit: Kaherah: al-Zahrā' li al-I'lām al-'Arabī, 1989.

Buku ini secara panjang lebar menghuraikan tentang perubahan sosial menurut pemikiran Malik Bennabi. Bab pertama mengkaji tentang riwayat hidup Malik Bennabi dan keadaan sosial, politik, ekonomi dan budaya Algeria pada masanya. Bab kedua membincangkan tentang tiga macam aliran perubahan sosial dan asas-asasnya di dunia Arab iaitu; aliran Islam, aliran liberal dan aliran sosialisme. Bab ketiga mengkaji tentang asas-asas pedagogi perubahan sosial menurut Malik Bennabi. Dalam bab ini penulis menganalisis tentang; peranan masyarakat sebagai persekitaran yang mendidik, bahasa yang mendidik dan hubungannya dengan perubahan sosial, peranan ilmu dan pengajaran dalam proses perubahan sosial, dan pemikiran dan peranannya dalam perubahan sosial. Bab keempat membincangkan tentang peranan kebudayaan dalam perubahan sosial menurut Malik Bennabi. Dalam bab ini penulis membincangkan tentang pengertian kebudayaan dan perbezaannya dengan ilmu dan langkah-langkah pendidikan kebudayaan. Dalam bab kelima penulis menganalisis tentang pendidikan sosial dan hubungannya dengan proses pembangunan kembali masyarakat. Dalam bab ini penulis membincangkan tentang pengertian masyarakat, dan pendidikan masyarakat dan proses pembangunan kembali. Dalam perbincangannya tentang pendidikan masyarakat dan hubungannya dengan proses pembangunan penulis mengungkapkan

konsep-konsep pendidikan masyarakat dalam tingkatan individu, masyarakat dan manusia secara umum. Dalam tingkatan individu diperlukan moral, adaptasi, kebebasan dan koreksi diri, dalam tingkatan masyarakat diperlukan pemahaman terhadap kewajipan dan kerja bersama dan dalam tingkatan manusia secara umum diperlukan pemahaman tentang penghormatan sesama manusia dan pemahaman tentang dialog dan kerjasama dengan bangsa-bangsa lain. Dalam bab keenam yang merupakan bab terakhir dalam buku ini, penulis memberikan ulasan tentang pemikiran Malik Bennabi yang berhubung kait dengan permasalahan-permasalahan yang diperbincangkan dalam buku ini.

- Tajuk: *A Muslim Theory of Human Society: An Investigation into the Sociological Thought of Malik Bennabi (Teori Seorang Muslim Tentang Kemasyarakatan: Kajian Tentang Pemikiran Sosiologi Malik Bennabi).*
- Penulis: Mohamed Thahir El-Mesawi
- Selangor: Thinker's Library, 1998.

Buku ini mengkaji secara khas tentang pemikiran sosiologi Malik Bennabi. Dalam bab pertama penulis menjelaskan tentang akar-akar isu konflik antara agama dan ilmu pengetahuan di dalam masyarakat Barat yang menurut pandangan Bennabi tidak memiliki landasan, kerana ianya lebih sebagai debat antara dua agama iaitu teisme dan materialisme. Dalam bab ini juga penulis mengkaji pemikiran Malik Bennabi tentang kenabian dan wahyu yang ditulis oleh Bennabi dalam bukunya *al-Zāhirah al-Qur'āniyah (Fenomena al-Qur'an)*. Menurut penulis pendekatan Malik Bennabi dalam perkara ini adalah pendekatan yang baru yang berusaha meletakkan Rasulullah s.a.w. pada lingkaran tradisi kenabian, dan meletakkan al-Qur'an sebagai

puncak daripada ajaran tauhid (*monotheism*), lain daripada itu pendekatan Bennabi juga berusaha membuktikan hubungkait antara Nabi dan risalah yang diwahyukan kepada beliau. Bab kedua membincangkan tentang hubungan sosial dan kelahiran sebuah masyarakat. Dalam bab ini penulis mengungkapkan pendapat-pendapat Malik Bennabi tentang bentuk-bentuk hubungan dalam masyarakat, definisi tentang masyarakat, asal-usul hubungan kemasyarakatan, dan penafsiran agama dan kebudayaan terhadap asal-usul masyarakat. Dalam bab ketiga penulis membincangkan pemikiran Malik Bennabi tentang kekayaan masyarakat, kitaran masyarakat dan integrasi masyarakat. Bab keempat membincangkan tentang kebudayaan. Dalam bab ini penulis memfokuskan kajiannya terhadap definisi dan unsur-unsur kebudayaan, dan pemikiran Bennabi tentang krisis kebudayaan.

Tajuk: *Malik Bennabi: His life and Theory of civilization (Malik Bennabi: Riwayat Hidup dan Teori tentang Peradaban).*  
Penulis: Fawziah Bariun.  
Penerbit: Kuala Lumpur: ABIM, 1993.

Buku ini mengandungi lima bab. Bab pertama membahaskan tentang sejarah Algeria dibawah pendudukan Perancis. Dalam bab ini penulis mengungkapkan bahawa Perancis menduduki Algeria dari tahun 1830 sehingga 1962, yang telah memberi pengaruh besar terhadap kehidupan sosial, pendidikan, budaya dan politik Algeria. Bab kedua membincangkan tentang kebangkitan Algeria di awal abad kedua puluh. Dalam bab ini penulis mengkaji tentang pengaruh-pengaruh yang membawa terjadinya kebangkitan di Algeria, yang di antaranya adalah; pengaruh pergerakan di Tunisia oleh seorang pembaharu Khair al-Din al-Tunisi (1810-1889); pengaruh

Mesir yang telah memberikan pendidikan para pelajar Algeria di negara tersebut dan yang telah menyediakan majalah, buku dan akhbar yang bersifat perjuangan dan pembaharuan bagi orang di Algeria; dan pengaruh pergerakan pembaharuan yang di pelopori oleh Muhammad Abduh (1849-1905) dengan majalahnya *al-Manār*. Bab ini kemudian menerangkan tentang pergerakan-pergerakan kemasyarakatan, politik dan pendidikan yang tumbuh di kalangan orang Algeria seperti; pergerakan pemuda Algeria, parti Bintang Afrika di Perancis, persatuan al-Ulama' al-Muslimun dan pergerakan kemerdekaan kebangsaan. Bab ketiga buku ini membicarakan tentang riwayat hidup Malik Bennabi. Ia meliputi; kehidupan Malik Bennabi ketika masa kanak-kanak, masa muda, dan ketika menghabiskan masa-masa akhir hayatnya di Algeria. Bab keempat membincangkan tentang pemikiran Malik Bennabi tentang sejarah dan sosiologi. Dalam bab ini pengkaji memberikan fokus terhadap pengaruh Ibnu Khaldun (1350-1406) terhadap pemikiran Malik Bennabi dan perbezaan dan persamaan antara pemikiran Malik Bennabi dan Arnold Toynbee (1889-1979). Dalam bab ini juga penulis membahaskan secara ringkas tentang pemikiran Malik Bennabi tentang tiga alam; alam benda, alam figure, dan alam idea; dan pemikiran Malik Bennabi tentang tiga umur masyarakat. Bab kelima buku ini membincangkan tentang teori peradaban menurut Malik Bennabi. Dalam bab ini penulis tidak memberikan fokus kepada teori peradaban yang dibangun oleh Malik Bennabi, sebaliknya penulis lebih memberikan penekanan pada permasalahan lain iaitu; pandangan Bennabi terhadap Jamal al-Din al-Afghani (1838-1897), Muhammad Abduh (1849-1905), evaluasi dan kritik Malik Bennabi terhadap gerakan-gerakan modenisme. Dalam pembahasannya tentang teori peradaban dalam pemikiran Malik Bennabi penulis hanya membincangkannya secara ringkas dan sedikit tentang definisi peradaban dan faktor-faktor pembentuk peradaban.

Tajuk: *Falsafah al-Hadārah Inda Malik Bennabi (Falsafah Peradaban Menurut Malik Bennabi).*

Penulis: Sulaiman al-Khatib.

Penerbit: Lubnan: al-Muassasah al-Jāmi‘iyyah, 1993.

Buku ini membincangkan secara panjang lebar tentang falsafah peradaban menurut Malik Bennabi. Bab pertama menganalisis tentang permasalahan-permasalahan yang berhubungkait dengan falsafah sejarah, hubung kait antara falsafah dan peradaban, dan hubung kait antara peradaban dan sejarah. Bab kedua membincangkan tentang sarjana-sarjana yang telah mengkaji tentang falsafah peradaban yang di antaranya adalah; Ibnu Khaldun, Oswald Spengler, dan Toynbee. Dalam bab ketiga penulis menganalisis pendapat-pendapat Malik Bennabi tentang faktor-faktor penting peradaban; manusia, masa dan tanah dan kajian tentang sebab-sebab kejatuhan peradaban Islam. Fasal keempat membincangkan tentang agama dan akhlak. Dalam bab ini penulis membincangkan tentang sebab-sebab tidak terjadinya kebangkitan Islam, kritik Malik Bennabi terhadap aliran materialisme. Dalam bab ini juga penulis secara singkat dan sedikit membincangkan tentang sejarah pemikiran agama, dan perbezaan antara Islam dan revolusi. Manakala di dalam bab kelima penulis dengan panjang lebar membincangkan tentang timbulnya masalah ekonomi, pemikiran dan masalah peradaban di dunia Islam. Bab keenam menganalisis tentang pandangan Malik Bennabi terhadap peradaban Barat. Di antara persoalan-persoalan terpenting yang dibahaskan dalam bab ini adalah; penyelewengan peradaban Barat, kesalahan penilaian terhadap Barat dan fenomena materialisme. Dalam bab ketujuh yang merupakan bab terakhir dalam buku ini, penulis menganalisis tentang umat Islam semasa dan masalah peradaban yang di antara persoalan-persoalan yang dibahaskan adalah; perpecahan yang terjadi di kalangan umat Islam, peranan umat

Islam dan risalahnya, konsep tentang persatuan Islam dan cabarannya, umat Islam semasa dan permasalahan ekonomi dan perbincangan tentang Malik Bennabi dan aliaran-aliran moden di dunia Islam.

Tajuk: *Method of Studying Civilization According to Malik Bennabi*  
*(Metode Mempelajari Peradaban Menurut Malik Bennabi)*

Penulis: Abdul Aziz Berghout.

Tesis Doktor Falsafah di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam,  
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1999. (Tidak  
diterbitkan).

Kajian ini membincangkan persoalan peradaban secara umum menurut Malik Bennabi, seperti yang telah dibahas oleh Fawzia Bariun dan Sulaiman al-Khatib. Bab pertama membicarakan tentang kehidupan Malik Bennabi dan sumbangannya terhadap pemikiran Islam. Bab kedua menganalisis tentang kerangka teoritikal metode Malik Bennabi. Dalam bab ini penulis menyelidiki idea tentang *Renaissance* (kebangkitan), unsur-unsur penting dalam peradaban, dan penafsiran tentang perjalanan peradaban. Bab ketiga mengkaji tentang alat-alat analisis dalam metode Malik Bennabi iaitu; konsep tentang ‘tiga alarm’ dan konsep tentang ‘tiga fasa’. Dalam bab keempat, yang merupakan bab terakhir, penulis membincangkan tentang penerapan metode Malik Bennabi dalam memahami peradaban Islam.

Kajian-kajian tersebut di atas, seperti yang telah diuraikan, lebih banyak menyoroti konsep-konsep Malik Bennabi tentang peradaban secara umum. Tidak satupun daripada kajian-kajian tersebut di atas yang memberikan fokus dan

membincangkan secara serius tentang agama dan hubungannya dengan persoalan-persoalan peradaban dan kebudayaan dalam pemikiran Malik Bennabi.

Seperti yang telah dikemukakan dalam latar belakang masalah kajian di atas, persoalan agama adalah persoalan yang penting dalam pemikiran Malik Bennabi. Namun demikian Bennabi tidak membincangkan tentang persoalan agama dan hubungannya dengan persoalan peradaban dan kebudayaan dalam satu buku tertentu. Oleh kerana itu pandangan dan pemikiran Malik Bennabi dalam aspek tersebut hanya dapat difahami secara menyeluruh dengan mengadakan kajian terhadap semua karya Malik Bennabi sebagai satu kesatuan idea. Berikut ini adalah keterangan ringkas tentang karya-karya Malik Bennabi<sup>9</sup> dan idea-idea atau tema-tema penting yang terkandung di dalamnya:

1. *Al-Fikrah al-Ifriqiyyah al-Asiawiyyah fī Dau' Mu'tamar Bandung (Pemikiran Asia Afrika Dalam Perspektif Konferensi Bandung)*, Kaherah, 1957. Terjemahan dari *L'Afro-Asiatisme: Conclusions la Conférence de Bandoeng* (1957). Ia adalah karya Malik Bennabi yang menilai Konferensi Asia-Afrika (1955) di Bandung, Indonesia sebagai peristiwa politik yang paling penting dalam sejarah negara-negara Asia Afrika selepas perang dunia kedua.
2. *Wijah al-'Ālam al-Islāmī (Masa Hadapan Dunia Islam)*, Kaherah, 1959. Terjemahan dari *La Vocation de L'Islam* (1954). Edisi bahasa Inggeris bertajuk *Islam In History and Society*, Islamabad, 1987. Edisi bahasa Malaysia *Islam Dalam Sejarah Dan Masyarakat*, Kuala Lumpur, 1991, merupakan terjemahan daripada edisi Inggeris. Dalam buku ini Malik

<sup>9</sup> Tempat dan tahun penerbitan ditulis berdasarkan pada apa yang dikatakan oleh Malik Bennabi sendiri di dalam kata pendahuluan karya-karya beliau dan penjelasan daripada anak murid dan sahabat beliau, Umar Kāmil Misqawī, dalam kata pengantar penerbitan karya-karya tersebut.

Bennabi menganalisis tentang sejarah masyarakat Islam, persoalan-persoalan yang mereka hadapi dan masa hadapan peradaban Islam.

3. *Musykilah al-Thaqāfah (Masalah Kebudayaan)*, Kaherah, 1959. Edisi dalam bahsa Perancis adalah *Le problème de la culture* yang baru terbit pada 1969. Karya ini menganalisis tentang definisi, unsur-unsur kebudayaan, hubungan kebudayaan dengan sosiologi, kerjasama kebudayaan dan idea tentang krisis kebudayaan.
4. *al-Širā‘ al-Fikri fī al-Bilād al-Musta‘marah (Perang Pemikiran dalam Negara-Negara Jajahan)*, Kaherah, 1960. Ia merupakan karya pertama Malik Bennabi dalam bahasa Arab, ia mengungkapkan tentang sikap penulisnya terhadap masalah-masalah penjajahan dan pengaruh penjajahan terhadap negara-negara jajahan.
5. *Syurūt al-Nahḍah (Syarat-syarat Kebangkitan)*, Kaherah, 1960. Terjemahan dari *Les Conditions de La Renaissance* (1948). Dalam buku ini Malik Bennabi membincangkan tentang persoalan *taqdis* (mengagung-agungkan) karya-karya peradaban Barat, tentang faktor-faktor penting dalam peradaban. Dalam buku ini juga Malik Bennabi menyinggung peranan agama dalam peradaban.
6. *al-Zāhirah al-Qur’āniyyah (Fenomena al-Qur'an)*, Kaherah, 1961. Ia adalah terjemahan dari *Le Phénomène Coranique* (1946). Edisi bahasa Inggeris *The Qur'anic Phenomenon*, Kuala Lumpur, 2001. Karya ini juga telah diterjemahkan ke dalam bahasa Indonesia dengan tajuk *Fenomena Al-Qur'an*.

(1984). Ia adalah satu-satunya buku Malik Bennabi yang membincarkan secara khusus tentang ilmu tafsir dan *i'jāz al-Qur'ān* serta hubungkait antara kenabian dan wahyu.

7. *Ta'ammulāt (Renungan)*, Kaherah, 1961. Sebahagian daripada buku ini pernah terbit pada tahun 1960 dengan tajuk *Hadīth fī al-Binā' al-Jadid (Perbincangan Tentang Pembangunan Baru)*. Ia membahas dan memberikan penyelesaian terhadap penyakit-penyakit yang diderita oleh masyarakat Arab dan negara-negara mundur.
8. *Fī Mahabb al-Ma'rakah: Irhāṣāt al-Thaurah (Dalam Medan Pertempuran: Benih-benih Revolusi)*, Kaherah, 1961. Ia merupakan terjemahan daripada pelbagai rencana yang ditulis Malik Bennabi di Paris hujung tahun empat puluhan dan awal lima puluhan. Ia mengandungi pemikiran-pemikiran tentang tipu daya penjajah Perancis di Algeria dan membincangkan tentang permasalahan sebenar yang dihadapi oleh para pemuda Algeria.
9. *Milād Mujtama' (Kehadiran Masyarakat)*, Kaherah, 1962. Buku ini adalah terjemahan dari bahasa Perancis yang tidak pernah diterbitkan. Edisi bahasa Inggeris bertajuk *On the Origins of Human Society*, Kuala Lumpur, 1998. Dalam buku ini Malik Bennabi mengkaji tentang asal-usul suatu masyarakat, kerjasama antara masyarakat, dan konsep-konsep penting yang berhubung kait dengan sosiologi.
10. *Āfāq Jazāiriyyah (Ruang Algeria)*, Algeria, 1964. Edisi Perancis bertajuk *Perspectives Algériennes*. Ia adalah kumpulan daripada tiga ceramah Malik

Bennabi yang disampaikannya di Algeria, yang masing-masing bertajuk *I'ideologie et la civilization* (*Musykilah al-Ḥaqārah/ Masalah Peradaban*), *Discours sur la culture* (*Musykilah al-Thāqafah/ Masalah Kebudayaan*), dan *De l'ideologie* (*Musykilah al-Maṣḥūmiyyah/ Masalah Konsep*).

11. *Mudhakkirat Syāhid li al-Qarn* (*Catatan Harian Seorang Saksi Sebuah Zaman*). Algeria, 1966. Terjemahan dari *Mémoires d'un témoin du siècle*. Ia terdiri daripada dua juzuk; juzuk pertama bertajuk "Masa Kanak-kanak" dan yang kedua bertajuk "Masa Sebagai Pelajar". Juzuk pertama adalah terjemahan dilakukan oleh Dr. Abdul majid al-Na'nai sementara juzuk kedua merupakan terjemahan Malik Bennabi sendiri. Buku ini adalah memoir yang menceritakan kenang-kenangan dan peristiwa dalam hidup Malik Bennabi di samping mengungkapkan perasaan dan pandangan Malik Bennabi terhadap berbagai-bagai peristiwa yang beliau lalui.
12. *Intāj al-Musytasyrikin wa Atharuhu fī al-Fikr al-Islāmī al-Hadiith* (*Karya-karya Orientalis dan Pengaruhnya Terhadap Pemikiran Islam*), Kaherah, 1970. Ia adalah buku yang kecil yang mengajak orang Islam untuk memiliki pemikiran yang tulen.
13. *Musykilāt al-Afkār fī al-Ālam al-Islāmī* (*Masalah Pemikiran di Dunia Islam*), Kaherah, 1971. Ia terjemahan dari *Le Problème des Idées dans Le Monde Musulman* (1970). Edisi bahasa Inggeris bertajuk *The Problems of Ideas In The Muslim World*, Kuala Lumpur, 1994. Dalam buku ini Malik Bennabi tidak sahaja, menganalisis permasalahan-permasalahan pemikiran

yang berkembang di dunia Islam tetapi juga berusaha untuk memberikan alternatif dan penyelesaian terhadap persoalan-persoalan tersebut.

14. *Fikrah Komonwilh al-Islāmī (Pemikiran Tentang Komanwel Islam)*, Algeria, 1971. Ia terjemahan daripada bahasa Perancis *Commonwealth Islamique* yang tidak diterbitkan. Dalam buku ini Malik Bennabi berpendapat tentang pentingnya diwujudkan Komanwel Islam, yang tidak dalam perspektif imperialisme tetapi dalam perspektif peradaban, dan yang tidak hanya dalam masalah ekonomi melainkan juga dalam aspek-aspek moral dan agama.
15. *Bayn al-Rrasyād wa al-Tīh (Antara Yang Lurus dan Yang Sesat)*, Algeria, 1972. Ia adalah kumpulan dari tulisan-tulisan Malik Bennabi dalam akhbar *al-Thaurah al-Ifriqiyah*. Ia menceritakan tentang peristiwa-peristiwa yang terjadi pada tahun enam puluhan di dunia Arab.
16. *al-Muslim fī 'Ālam al-Iqtisād (Orang Islam Dalam Dunia Ekonomi)*, Beirut, 1972. Buku ini membincangkan tentang fenomena kerjasama ekonomi dalam dunia semasa, beberapa teori ekonomi moden dan tentang asas-asas moral dalam pengeluaran dan pembekalan.
17. *Daur al-Muslim wa Risālatuhu fī al-Thuluth al-Akhīr Min al-Qarn al-'Isyrīn (Peranan Muslim dan Risalahnya Pada Suku Terakhir Abad Kedua puluh)*, Damsyik, 1972. Ia terdiri daripada dua syarahan Malik Bennabi di Damsyik pada tahun 1972 dan merupakan wasiat terakhir Malik Bennabi kepada orang

Islam untuk dapat keluar daripada permasalahan-permasalahan yang dihadapi.

Dalam sebuah seminar antarabangsa tentang Malik Bennabi yang diadakan di Universiti Malaya, Malaysia (1-4 September 1991), Professor Asma Rashid membuat perbandingan antara pemikiran Iqbal dan Malik Bennabi dalam ekonomi dalam tulisannya *Iqbal (1877-1938) and Malik Bennabi (1905-1973) From 'ilm al-iqtisād to al-Muslim fī 'Ālam al-iqtisād (Iqbal dan Malik Bennabi Dari ilmu Ekonomi Kepada Muslim Di Dunia Ekonomi)*. Dalam seminar yang sama Prof. Dr. 'Ammār Talbī menganalisis tentang *Fikr Malik Bennabi wa al-Mujtama'* *al-Mu'āṣir* (Pemikiran Malik Bennabi dan Masyarakat Semasa). Prof. M. Kamal Hasan juga menulis makalah yang bertajuk *Reflection on Some of the Ideas and Thoughts of Malik Bennabi (Renungan terhadap sebahagian daripada idea dan pemikiran Malik Bennabi)*,

Dari ulasan terhadap semua kajian tentang Malik Bennabi di atas menunjukkan bahawa pemikiran Malik Bennabi tentang agama dan hubungannya dengan persoalan-persoalan kebudayaan dan peradaban belum mendapat perhatian sewajarnya dan belum mendapat kajian secara serius. Oleh kerana itu tesis ini sangat penting dalam dunia pemikiran Muslim semasa.

#### G. METODOLOGI KAJIAN

Metodologi yang digunakan dalam membuat kajian ini adalah metodologi kajian perpustakaan dengan menganalisis semua data yang berhubung-kait dengan

penyelidikan. Adapun sumber data dan metode-metode penganalisisan data adalah seperti berikut:

i. Sumber data:

Sebagai sumber data adalah semua karya Malik Bennabi, baik yang dalam Bahasa Arab, Bahasa Inggeris ataupun Bahasa Malayu dan Bahasa Indonesia. Malik Bennabi menulis karya-karyanya dalam Bahasa Perancis dan Bahasa Arab. Semua karyanya dalam Bahasa Perancis sudah pun diterjemahkan ke dalam Bahasa Arab. Terjemahan ke dalam bahasa Arab banyak dilakukan oleh anak murid beliau sendiri terutamanya ‘Abd al-Şabûr Syâhîn dan Umar Kâmil Misqâwi. Terjemahan dilakukan di bawah penyeliaan beliau sendiri. Beberapa karyanya juga telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris dan dua di antaranya iaitu; *al-Zâhirah al-Qur’âniyyah* (*Fenomena al-Qur'an*) dan *Wijhah al-‘Âlam al-Islâmi* (*Masa hadapan Dunia Islam*) telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Malayu dan Bahasa Indonesia. Selain daripada karya-karya Malik Bennabi, data juga diperolehi daripada karya-karya para sarjana lain yang membahaskan tentang pemikiran Malik Bennabi dan karya-karya lain yang berhubung-kait dengan pemikiran Malik Bennabi.

ii. Penganalisaan data:

Semua data baik yang bersumberkan karya-karya Malik Bennabi, ataupun yang bersumberkan tulisan-tulisan tentang Malik Bennabi dan pemikirannya yang ditulis oleh para sarjana lain dan karya-karya lain yang berhubung-kait dengan permasalahan dalam penyelidikan, dikaji dan dianalisis secara kritikal dan ilmiah berasaskan kepada metode-metode seperti berikut:

- a) Metode induksi. Ia adalah satu cara menganalisis data dengan proses penghuraian atau pentafsiran yang membawa kepada pencapaian sesuatu kesimpulan hukum daripada fakta-fakta atau maklumat-maklumat yang bersifat khusus.
- b) Metode deduksi. Ia adalah satu metode untuk membuat kesimpulan atau merumuskan kaedah-kaedah tertentu berdasarkan maklumat-maklumat yang bersifat umum yang diperolehi daripada data-data yang ada.
- c) Metode perbandingan. Ia adalah metode yang digunakan untuk membandingkan antara pemikiran-pemikiran Malik Bennabi dengan pemikiran-pemikiran para sarjana yang lain.